

**LAPORAN PENYELIDIKAN**

**PERLINDUNGAN HAK ISTERI DALAM PENTADBIRAN  
UNDANG-UNDANG PERCERAIAN DI MAHKAMAH SYARIAH  
SELANGOR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR  
(KOD: UPU (1)/G/2002)**

**PENYELIDIK:**


**PROF. DR. HAJI ABDUL SAMAT MUSA  
ABDUL MANAN ISMAIL  
DINA IMAM SUPAAT  
ARIF FAHMI MD YUSOF**

**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA  
SEPTEMBER 2005**

Perpustakaan KUIM



1000025640



**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA**  
**جامعة العلوم الإسلامية بماليزيا**  
**ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE OF MALAYSIA**

**Laporan Penyelidikan**

**PERLINDUNGAN HAK ISTERI DALAM PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG  
PERCERAIAN DI MAHKAMAH SYARIAH SELANGOR DAN WILAYAH  
PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

---

**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA**  
Bandar Baru Nilai  
71800 Nilai  
Negeri Sembilan Darul Khusus

Laporan Penyelidikan

**PERLINDUNGAN HAK ISTERI DALAM PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG  
PERCERAIAN DI MAHKAMAH SYARIAH SELANGOR DAN WILAYAH  
PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

KOD: UPU (1)/G/2002

Ketua Penyelidik:

**PROF. DR. HJ. ABDUL SAMAT MUSA (S201)**

(Fakulti Syariah dan Undang-Undang)

Tel: 06-798 8407

Emel: samat@admin.kuim.edu.my

Penyelidik:

**ABDUL MANAN ISMAIL (S058)**

(Fakulti Syariah dan Undang-Undang)

Tel: 06-798 8507

Emel: manan@admin.kuim.edu.my

**DINA IMAM SUPAAT (S138)**

(Fakulti Syariah dan Undang-Undang)

Tel: 06-798 8579

Emel: dina@admin.kuim.edu.my

**ARIF FAHMI MD YUSOF (S227)**

(Fakulti Syariah dan Undang-Undang)

Tel: 06-798 8484

Emel: fahmi@admin.kuim.edu.my

**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA**

Bandar Baru Nilai

71800 Nilai

Negeri Sembilan Darul Khusus

Laman Web: [www.kuim.edu.my](http://www.kuim.edu.my)

September 2005

## PENGAKUAN

Kami akui bahawa keseluruhan isi penyelidikan ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya kami jelaskan sumbernya.

Tarikh: 30 September 2005


Tandatangan

Ketua Penyelidik




Prof. Dr. Hj. Abdul Samat Musa


Penyelidik



Abdul Manan Ismail



Dina Imam Supaat



Arif Fahmi Md Yusof

## PRAKATA

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala pujian bagi Allah yang menjadikan langit dan bumi. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W., sebaik-baik peribadi, bagi keluarga baginda, para sahabat dan seterusnya sesiapa sahaja yang mengikuti panduan baginda hingga ke akhirnya.

Kami amat bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya, dapat kami menyempurnakan penyelidikan ini. Penyelidikan ini bertujuan untuk menyelidik sejauh mana hak-hak isteri dilindungi dalam pentadbiran undang-undang perceraian di Mahkamah Syariah Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta memberikan gambaran sebenar terhadap perkara tersebut.

Kami merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak Mahkamah Syariah di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jabatan Agama Islam Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Persatuan Ibu Tunggal Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Sekalung penghargaan kepada para pakar yang terlibat dalam memberi pandangan dan cadangan bagi memantapkan penyelidikan ini. Mereka terdiri daripada Yang Amat Arif Datuk Sheikh Ghazali Ab Rahman (Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia), Yang Arif Tuan Abas Nordin (Hakim Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur), Yang Arif Tuan Atras Mohamad (Hakim Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat), Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Suwaid Tapah (Timbalan Dekan Penyelidikan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), dan Y. Bhg. Prof. Madya Datin Dr. Siti Zalikah Md. Noor (Pensyarah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia).

Terima kasih juga dihulurkan kepada Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) amnya dan Fakulti Syariah dan Undang-Undang khasnya yang telah memberi kepercayaan kepada kami untuk menjalankan penyelidikan ini. Tidak lupa juga kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak hingga penyelidikan ini sempurna disiapkan.

## ABSTRAK

Kajian ini tertumpu kepada aspek perundangan berkaitan perceraian yang melibatkan hak isteri yang dilaksanakan di Mahkamah Syariah Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kajian ini memberi tumpuan kepada perkara-perkara berikut iaitu aspek perundangan dan hukum syarak berkaitan perlindungan terhadap isteri dalam pentadbiran undang-undang perceraian serta pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan berkaitan di peringkat pra-mahkamah, semasa perbicaraan, pelaksanaan keputusan dan perintah mahkamah. Kajian ini melibatkan kajian kepustakaan dan kajian lapangan yang melibatkan suami dan isteri yang terlibat dengan kes-kes berkaitan, pengamal undang-undang iaitu hakim, peguam syarie dan pendaftar mahkamah, serta pihak yang terlibat diperingkat pra-mahkamah iaitu kaunselor dan pegawai sulh. Hasil kajian mendapati bahawa undang-undang keluarga Islam mengenai perceraian memberikan perlindungan yang cukup dan adil terhadap wanita sebagai isteri, tetapi masih perlu kepada beberapa penambahbaikan dari aspek pelaksanaannya di Mahkamah Syariah.

## ABSTRACT

This research focuses on legal aspects related to divorce particularly pertaining to rights of women as administered in the Syariah Courts of Selangor and Federal Territory of Kuala Lumpur. It pays special attention to legal aspects and the syariah law in protection of women's rights in the administration of divorce laws and its implementation and enforcement, regulations at the pre-trial level, during the trial and the implementation of court's decision and enforcement of court order. The research is library and field based. For field research the researcher conducted survey involving husband and wives who were directly concerned with divorce cases, legal practitioners, those officers who are involved in the pre-trial level. One of our major finding is that the law related to divorce has provided sufficient and fair protection for women but there are certain matters and aspects of the implementation that need improvement.

## ملخص البحث

يركز هذا البحث على القوانين المتعلقة بفرق الزواج وهي ما يخص حق الزوجة المعمول بها في المحكمة الشرعية بولاية سلانجور وولاية فيدرالية بكوالا لمبور. ويركز على الأمور التالية وهي من ناحية قانونية وأحكام الشرع فيما يتعلق بحماية الزوجة وحقوقها في قوانين فرق الزواج وتطبيقها و التنفيذ القانوني والنظام المتعلق بمرحلة قبل المحكمة وأثناء الدعوى وتنفيذ حكم المحكمة وأمرها. ويعتمد هذا البحث على البحث المكتبي والميداني الشامل على الزوجين المتعلقين بقضايا المحكمة ورجال القانون وهم القضاة، و المحاميون الشرعيون ومسجلو المحكمة و الجهات المعنية في مرحلة ما قبل المحكمة وهما المستشار وموظف الصلح. ومن نتائج هذا البحث أن قوانين الأسرة الإسلامية المتعلقة بفرق الزواج قد قامت بدورها في حماية الزوجة وتحقيق العدل، ومع ذلك لا ننكر بأنها ما زالت تحتاج إلى التطوير و التحسين من ناحية تنفيذها في المحكمة الشرعية.

## DAFTAR KANDUNGAN

<b>Kandungan</b>	<b>Halaman</b>
Pengakuan	i
Prakata	ii
Abstrak	iii
Abstract	iv
ملخص البحث	v
Daftar Kandungan	vi
Senarai Lampiran	ix

### BAB 1

#### PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN	1
1.1 SOROTAN LITERATUR	2
1.2 MATLAMAT KAJIAN	4
1.3 OBJEKTIF KAJIAN	4
1.4 SKOP KAJIAN	5
1.5 DEFINISI HAK ISTERI DAN PERLINDUNGAN DI DALAM PENTADBIRAN UNDANG- UNDANG PERCERAIAN	6
1.6 PERLINDUNGAN HAK ISTERI DALAM PERCERAIAN MENURUT SYARAK	8
1.7 HIPOTESIS KAJIAN	12
1.8 REKABENTUK KAJIAN DAN KERANGKA TEORITIKAL	12
1.9 METODOLOGI KAJIAN	12

### BAB 2

#### HAK-HAK ISTERI DI DALAM ENAKMEN DAN AKTA

2.0 PENDAHULUAN	16
2.1 PERSAMAAN PERUNTUKAN ANTARA AKTA DAN ENAKMEN	16
2.2 PEMBUBARAN PERKAHWINAN	16
2.3 PERMOHONAN CERAI	17
2.3.1 Bidangkuasa Mahkamah Untuk Membuat Perintah	17
2.3.2 Acara Umum	18
2.3.3 Timbangtara oleh Hakam	22

2.3.4	Perceraian Khul' atau Cerai Tebus Talaq	24
2.3.5	Perceraian Ta'liq atau Janji	25
2.3.6	Perceraian Dengan Li'an	26
2.3.7	Pembubaran Perkahwinan Dengan Fasakh	26
2.3.8	Anggapan Mati	29
2.3.9	Ruju'	30
2.4	PROSEDUR PERCERAIAN DI BAWAH SEKSYEN 45 AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (AUKIWP) DAN ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI SELANGOR) 2003 (EUKIS)	32
2.5	KESIMPULAN DAN PENUTUP	33

### **BAB 3**

#### **HAK ISTERI DALAM MENENTUKAN PERCERAIAN MENURUT FIQH**

3.0	PENDAHULUAN	34
3.1	KUASA SUAMI UNTUK MENENTUKAN PERCERAIAN	35
3.2	KUASA ISTERI UNTUK MENENTUKAN PERCERAIAN	36
3.3	KUASA SUAMI DAN ISTERI DALAM MENENTUKAN PERCERAIAN	36
3.4	KEADAAN YANG MENGHARUSKAN KHULU'	37
3.5	KUASA QADHI DALAM MENENTUKAN PERCERAIAN (FASAKH)	37
3.6	KUASA SYARAK UNTUK MENENTUKAN PERCERAIAN	41
3.7	HUBUNGKAIT DENGAN UNDANG-UNDANG	42
3.8	KESIMPULAN	42

### **BAB 4**

#### **ANALISA DAN PEMERHATIAN KES-KES MAHKAMAH**

4.0	ANALISA KES-KES MAHKAMAH RENDAH SYARIAH HULU LANGAT DAN MAHKAMAH RENDAH SYARIAH BANDARAYA SHAH ALAM	44
4.1	PEMERHATIAN KES DI MAHKAMAH	78

**BAB 5****ANALISA SOAL SELIDIK**

5.0 ANALISA SOAL SELIDIK	80
--------------------------	----

**BAB 6****KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.0 KESIMPULAN	87
6.1 CADANGAN	90
6.2 PENUTUP	93
<b>RUJUKAN</b>	94
<b>LAMPIRAN</b>	96

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>Lampiran</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Halaman</b>
Lampiran A	Soal-selidik untuk Hakim Syarie	96
Lampiran B	Soal-selidik untuk Pendaftar	107
Lampiran C	Soal-selidik untuk Pegawai Sulh	118
Lampiran D	Soal-selidik untuk Kaunselor	125
Lampiran E	Soal-selidik untuk Suami	132
Lampiran F	Soal-selidik untuk Isteri	140
Lampiran G	Gambar-gambar Penyelidikan	148

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.0 LATARBELAKANG/PERMASALAHAN KAJIAN**

Mahkamah Syariah merupakan tempat rujukan terakhir proses perceraian oleh isteri yang menghadapi masalah kekeluargaan. Kajian secara umumnya menunjukkan kaum wanita lebih ramai menggunakan Mahkamah Syariah. Sebagai contoh, di Wilayah Persekutuan (1990 – 1993) 60% pemohon adalah wanita, di Pulau Pinang (1993 – 1995) 62% dan di Johor Bahru (1991- 1996) 60% (Maznah Mohamad dalam Abdul Monir Yaacob 1999: 241). Kaum wanita mengharapkan kes mereka dapat diselesaikan berasaskan keadilan, khususnya yang berkaitan dengan perceraian (Md. Amin Hj. Abd Rahman 1996: 49).

Isu hak dan kedudukan isteri dalam pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia secara amnya telah dibincangkan dari semasa ke semasa sama ada dalam akhbar, forum politik dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan atau penulisan-penulisan lain. Kes terbaru yang menjadi isu hangat yang menimbulkan tanda tanya ialah kisah tuntutan perceraian berlarutan Aida Melly. Terdapat berbagai-bagai pandangan berhubung pentadbiran hukum Islam khususnya mengenai hak dan kedudukan isteri. Menurut Mahmood Zuhi, undang-undang keluarga Islam sekarang adalah jelas bersimpati terhadap wanita (dalam Abdul Monir Yaacob 1999: 227). Namun begitu terdapat pandangan lain yang mengatakan sungguhpun diskriminasi tidak berlaku dalam undang-undang keluarga Islam, tetapi ia dikatakan berlaku dalam beberapa aspek yang berkaitan ist' itu dari segi kesukaran mendapat pembelaan, prosedur undang-undang, peruntukan hukuman atau perintah dan penguatkuasaan perintah mahkamah (Maznah Mahmud dam Abdul Monir Yaacob 1999: 239). Ketidakpuasan sesetengah pihak ada juga dikaitkan dengan kekurangan peguam wanita dalam pengendalian kes di mahkamah syariah (Berita Harian 24 April 2000 dan Rozi Bainon 1999: 138), sehingga terdapat cadangan supaya di dilakukan pemerhatian terhadap perbicaraan kes membabitkan wanita dan dikaji

kemungkinan ditubuhkan mahkamah keluarga yang berasingan (Dato' Seri Sharizat Jalil 11 April 2000; Timbalan Perdana Menteri 12 Nov. 2002).

Pandangan dan persepsi di atas menimbulkan tandatanya tentang sejauh mana ianya berasas dan berkaitan dari sudut perundangan dan perlaksanaannya. Ketiadaan kajian yang menyeluruh akan menyebabkan kepelbagaian persepsi dan tanggapan atau ketidakpastian tentang hak dan layanan sebenar yang dinikmati akan berlarutan. Ini boleh menjejaskan imej institusi kehakiman Islam itu sendiri. Kajian ini mengemukakan persoalan di atas dan cuba mencari jawapan serta mengemukakan cadangan-cadangan yang sesuai.

## **1.1 SOROTAN LITERATUR**

Setakat ini terdapat kajian yang dilakukan berhubung pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia secara umum atau undang-undang keluarga Islam secara am. Ini dapat dilihat umpamanya kajian yang dibuat Ahmad Ibrahim (1999) dalam buku yang bertajuk Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia. Kajian ini secara umum menyentuh undang-undang keluarga Islam di Malaysia tanpa menyentuh khusus tentang perlindungan hak isteri dalam undang-undang. Kajian oleh penulis yang sama di bawah tajuk Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia (1997) telah menyentuh beberapa aspek perundangan dalam kekeluargaan Islam. Walau bagaimanapun, kajian ini tertumpu kepada bidangkuasa mahkamah syariah secara meluas dalam undang-undang keluarga Islam.

Kajian lain juga dijalankan oleh Abdul Monir Yaacob (1999) di bawah tajuk Undang-Undang Keluarga Islam dan Wanita di negara-negara ASEAN yang mengumpulkan beberapa bab mengenai perlindungan hak wanita secara umum di beberapa negara ASEAN.

Kajian juga telah dilakukan oleh sekumpulan penulis dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia yang diketuai Mohamad bin Jusoh (1998) menyentuh secara umum

perlindungan hak wanita dalam perundangan Islam di Malaysia dengan hanya merujuk kepada peruntukan dalam undang-undang keluarga Islam beberapa negeri di Malaysia. Kajian ini bagaimanapun hanya kajian yang bersifat teoritikal yang membincangkan tentang aspek-aspek perundangan.

Kajian-kajian lain juga dilakukan oleh Zaleha Kamaruddin dalam beberapa buku antaranya *Islamic Family Law: New Challenges in the 21<sup>st</sup> Century* (2004), *Isu-Isu Kekeluargaan dan Undang-Undang* (2000), *Delays in Disposition of Matrimonial Cases in Shariah Court in Malaysia* (1997), *Wanita dan Keadilan* (1999) dan *Social Issues in Malaysia: Muslim Woman Perspectives* (2003). Kajian-kajian ini ada menyentuh tentang hak-hak isteri tetapi dalam dimensi yang berbeza, sebagai contoh hak-hak isteri untuk mendapat perlindungan daripada kes-kes tertanggung, hak-hak isteri untuk mendapat hak dalam perintah nafkah dan hadhanah serta perintah-perintah sampingan yang lain. Walau bagaimana pun, ia berbeza dengan kajian ini kerana ia dilakukan secara khusus di Sekitar Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Kajian juga telah dijalankan oleh Mahmud Zuhdi Abdul Majid (1989) dalam buku yang bertajuk *Undang-Undang Keluarga Islam: Konsep dan perlaksanaannya di Malaysia*. Walau bagaimanapun, ia menerangkan konsep undang-undang keluarga Islam secara umum di negeri-negeri di Malaysia.

Kajian juga telah dijalankan oleh Mimi Kamariah Majid (1999) dalam buku bertajuk *Family Law in Malaysia* yang membincangkan secara umum tentang undang-undang keluarga Islam dan beberapa hak isteri dalam salah satu bab buku tersebut.

Kajian-kajian lain juga telah dijalankan oleh Nik Noraini Nik Badlishah (1993) menyentuh tentang perintah nafkah dan perintah-perintah sampingan kewangan dalam undang-undang keluarga kepada isteri.

Antara kajian lain yang hampir menyentuh isu yang sama telah dibuat oleh Salwana Ahmad Dahlan (1994) dalam kajian ilmiah bertajuk *Perlindungan Terhadap Hak Wanita*

dalam Perundangan Islam di Selangor. Walau bagaimanapun kajian ini telah dibuat lebih sedekad yang lalu dan data-data yang diperolehi adalah data pada waktu tersebut yang menggambarkan situasi di Selangor 10 tahun yang lalu.

Kajian-kajian ini pada umumnya menyentuh mengenai organisasi dan bidangkuasa mahkamah syariah dan pentadbiran undang-undang keluarga Islam secara meluas tanpa melihat secara khusus dan mendalam tentang pelaksanaan aspek tertentu undang-undang kekeluargaan dan kesan serta keberkesanannya seperti dalam soal pentadbiran undang-undang perceraian yang akan melibatkan kedudukan hak dan perlindungan terhadap isteri yang sering menimbulkan rungutan dari masa ke semasa. Kajian khusus seperti ini belum lagi di jalankan sebelum ini.

## **1.2 MATLAMAT KAJIAN**

Tujuan utama kajian ini ialah untuk mengkaji kedudukan hak isteri dan sejauh mana ia diberi perlindungan dalam pentadbiran undang-undang dan proses perceraian di Mahkamah Syariah Selangor dan Wilayah Persekutuan.

## **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

Keseluruhan matlamat diatas boleh dicapai dengan menyelidiki objektif tertentu berikut:

- i) mengenalpasti aspek perundangan dan hukum syarak serta prosedur yang melibatkan isteri dalam pentadbiran berkenaan proses perceraian.
- ii) Mengenalpasti dan menilai pandangan pasangan yang pernah melalui proses perceraian dan pengamal undang-undang berhubung perlindungan terhadap isteri dalam pentadbiran undang-undang berkaitan

- iii) Mengenalpasti penguatkuasaan undang-undang berkaitan dan keberkesanannya.
- iv) Memberi cadangan kepada pihak berkenaan untuk memperbaiki atau mempertingkatkan lagi pentadbiran Mahkamah Syariah

#### 1.4 SKOP KAJIAN

Kajian ini tertumpu kepada aspek perundangan berkaitan perceraian yang melibatkan hak isteri yang dilaksanakan di Mahkamah Syariah Selangor dan Wilayah Persekutuan. Kajian ini memberi tumpuan kepada perkara-perkara berikut:-

- a) Aspek perundangan dan hukum syarak berkaitan perlindungan terhadap isteri dalam pentadbiran undang-undang perceraian
- b) Perlaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan berkaitan di peringkat pra-mahkamah, semasa perbicaraan dan perintah mahkamah.

Walaupun bagaimanapun, tumpuan kajian dilakukan di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam dan Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat sahaja. Para penyelidik tidak mendapat kebenaran untuk mengakses fail-fail kes di Mahkamah Syariah Kuala Lumpur kerana dalam tempoh kajian ini berlangsung, pihak mahkamah sedang dalam proses pengemaskinian fail-fail kes.

Walaupun kajian ini hanya membabitkan dua mahkamah sahaja, namun ia cukup untuk menggambarkan amalan-amalan yang berlaku dalam ruang lingkup penyelidikan ini kerana daerah Hulu Langat dan Shah Alam merupakan daerah yang mempunyai banyak kes di negeri Selangor. Secara tidak langsung ia telah mewakili sebahagian besar kes-kes yang terbabit dalam penyelidikan ini.

## 1.5 DEFINISI HAK ISTERI DAN PERLINDUNGAN DI DALAM PENTADBIRAN UNDANG- UNDANG PERCERAIAN

Tajuk kajian ini menimbulkan dua persoalan utama iaitu; (a) apakah hak- hak isteri yang terdapat dalam undang- undang perceraian dan (b) apakah perlindungan yang diberi dan dijamin oleh undang- undang dan sistem pentadbiran undang- undang perceraian supaya isteri mendapat hak- haknya itu.

“Hak isteri” dalam undang- undang perceraian yang dimaksudkan bermakna:

1. Hak memohon cerai mengikut jenis perceraian yang sesuai dipohon oleh seorang isteri di Mahkamah Syariah negeri Selangor seperti talaq, fasakh, ta’liq dan khul’ bergantung kepada keadaan kes. Atau jika seorang isteri gagal mendapat perceraian dengan cara ta’liq, dia berhak memohon untuk bercerai dengan cara lain seperti fasakh. Asas perceraian tidak dihadkan dan isteri bebas memilih jenis permohonan cerai yang dikehendaknya.
2. Hak mendapat akses kepada prosedur pra mahkamah selepas permohonan dibuat tetapi sebelum perbincangan seperti kaunseling dan sulh. Isteri mempunyai hak untuk diberi kaunseling contohnya oleh pegawai kaunselor Jabatan Agama Islam, khidmat sulh di mahkamah dan mahkamah boleh mengarahkan supaya isteri dan suami dirujuk kepada pegawai sulh jika belum berbuat demikian.
3. Hak memohon perceraian atas apa-apa alasan yang sah.
4. Hak untuk dirujuk kepada Jawatankuasa Pendamai apabila dia tidak bersetuju dengan permohonan cerai oleh suami. Jika suami membuat permohonan untuk bercerai, mahkamah akan memaklumkan kepada isteri akan hasrat suami dan jika isteri tidak bersetuju dan mahkamah berpendapat ada kemungkinan yang munasabah pasangan itu boleh didamaikan, maka mahkamah boleh merujuk pasangan tersebut kepada jawatankuasa pendamai yang dilantik oleh mahkamah.

5. Hak untuk diwakili oleh Hakam apabila perbincangan secara aman dengan suami tidak dapat dijalankan dan apabila berlaku pertengkaran atau *shiqaq* yang berpanjangan. Hakam yang dilantik oleh mahkamah berdasarkan syarat tertentu akan bertindak sebagai wakil bagi pihak isteri.
6. Hak memohon cerai atas kapasiti sendiri. Isteri diberi hak di bawah akta dan enakmen untuk mengemukakan permohonan sendiri kepada mahkamah tanpa perlu melalui orang tengah. Tiada sekatan dikenakan kerana isteri dianggap berupaya membuat permohonan sendiri, bahkan permohonan itu tidak berkehendakkan saksi atau mensyaratkan isteri telah disetubuhi atau belum.
7. Hak menjawab, membela diri, menolak atau tidak bersetuju dengan permohonan suami untuk bercerai. Mahkamah tidak boleh membenarkan suatu permohonan cerai oleh suami tanpa terlebih dahulu memanggil pihak isteri untuk mendapatkan keterangan dan persetujuannya. Ini adalah juga hak *implied* untuk mengetahui talaq yang dilafazkan ke atasnya oleh suami. Mahkamah tidak boleh merahsiakan permohonan cerai seorang suami.
8. Hak untuk dipastikan persetujuannya yang diberi kepada permohonan suami untuk bercerai. Walaupun seorang isteri bersetuju dengan permohonan suami, mahkamah bertanggungjawab memastikan bahawa ia telah berpuas hati dengan persetujuan itu dan wujud keadaan di mana kedua pihak isteri dan suami tidak boleh berbaik- baik lagi.
9. Hak untuk dimaklumkan tentang permohonan cerai suami dan pengesahan lafaz cerai.
10. Hak untuk diwakili oleh peguam syarie dalam prosiding di mahkamah. Wanita diberi kebebasan untuk mendapatkan mana-mana peguam syarie untuk

mewakilinya dalam perbicaraan perceraian di Mahkamah Syariah, samada sebagai pemohon atau penentang.

11. Hak membuat permohonan sampingan berkaitan dengan perceraian seperti tuntutan nafkah dan hak jagaan anak.
12. Hak untuk mendapat perbicaraan yang adil bersama hak-hak untuk didengar dan tanpa diskriminasi.
13. Hak penyelesaian kes dalam masa yang munasabah iaitu dalam masa kurang dari dua belas bulan.
14. Hak memohon kepada mahkamah mengesahkan lafaz cerai atau talaq yang dilafazkan oleh suami di luar mahkamah atau tanpa kebenaran mahkamah. Isteri mempunyai hak untuk mengadu kepada mahkamah apabila dia diceraikan di luar mahkamah walaupun tanpa saksi.
15. Hak mendapat keputusan yang dibuat berdasarkan alasan penghakiman bertulis dan hak mendapat perintah/keputusan bertulis berhubung kes perceraianya dalam masa yang munasabah selepas tamat perbicaraan dan selepas keputusan diberi.

Manakala perkataan “perlindungan di dalam pentadbiran undang-undang perceraian”itu memberi maksud peruntukan dan ketetapan undang-undang perceraian yang dapat memastikan isteri akan memperolehi hak-haknya yang disebutkan di atas termasuklah peruntukan undang-undang substantif dan prosedur.

## **1.6 PERLINDUNGAN HAK ISTERI DALAM PERCERAIAN MENURUT SYARAK**

Perkahwinan merupakan satu ikatan yang perlu dikekalkan sehingga akhir hayat. Ia merupakan hubungan murni dan suci yang disyariatkan oleh Tuhan yang maha pengasih. Justeru, perceraian dan perpisahan merupakan jalan terakhir yang diambil oleh suami dan isteri dalam menyelesaikan masalah rumahtangga (<sup>c</sup>Uqlah 1990 : 45).


Suami isteri yang menghadapi krisis rumahtangga tidak boleh dengan sewenang-wenangnya melafaz atau memohon perceraian jika terjadi sesuatu masalah atau krisis rumahtangga. Sebaliknya, Islam telah menggariskan kepada mereka beberapa langkah yang perlu diambil terlebih dahulu sebelum menjadikan perceraian sebagai jalan penyelesaian. Langkah-langkah tersebut telah dirakamkan oleh Allah taala di dalam Surah al-Nisa' ayat 34-35:

والتي تخافون نشوزهن فعظوهن واهجروهن في المضاجع واضربوهن فإن أطعنكم فلا تبغوا عليهن سبيلا إن الله كان عليا كبيرا . وإن خفتم شقاق بينهما فابعثوا حكما من أهله وحكما من أهلها إن يريدوا إصلاحا يوفق الله بينهما إن الله كان عليما خبيراً .

Maksudnya:

Wanita-wanita yang kamu bimbangkan nusyuznya, maka nasihatilah mereka dan pisahkanlah mereka di tempat tidur mereka dan pukullah mereka. Kemudian jika mereka mentaatimu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkannya. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha Besar. Dan jika kamu bimbangkan ada persengketaan di antara keduanya, maka utuskan seorang hakam dari keluarga lelaki dan seorang hakam dari keluarga perempuan. Jika kedua orang hakam itu bermaksud mengadakan islah, nescaya Allah memberi taufik kepada suami isteri itu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.

Kita dapat melihat langkah-langkah yang cukup sempurna yang telah digagaskan dalam ayat-ayat di atas, ia merupakan hak-hak yang dimiliki oleh isteri sekiranya berlaku sesuatu krisis rumahtangga dan hak tersebut sepatutnya dilaksanakan oleh pihak suami. Ia bagi mengelakkan penyalahgunaan kuasa memutuskan perceraian oleh pihak suami ke atas isteri. Langkah-langkah yang telah digariskan oleh al-Quran tadi adalah seperti berikut:



Justeru, jelaslah bahawa perceraian merupakan penyelesaian terakhir yang perlu didahului terlebih dahulu oleh cara penyelesaian yang lain. Ia disokong oleh kaedah *Usuliyah* iaitu:

الأصل في الطلاق الحظر

Maksudnya: Asal bagi perceraian adalah haram dan ditegah

Oleh sebab itu perceraian tidak boleh dilakukan berdasarkan hawa nafsu dan perasaan atau andaian yang penuh dengan prasangka. Sebaliknya ia perlu dibuat dengan bijaksana tanpa menyalahgunakannya kerana keharusannya adalah terhad dan dibenarkan kerana keperluan (al-Bahusain 1996 :130).

### 1.6.1 Hak isteri untuk menentukan perceraian

Dari segi asalnya suami memiliki hak untuk menentukan perceraian demi untuk memelihara institusi kekeluargaan, ia diberikan kepada suami berdasarkan rasional berikut ;

- a) Perempuan biasanya lebih beremosi daripada lelaki, jika dia memiliki hak untuk menentukan perceraian, berkemungkinan dia menjatuhkan talak kerana perkara yang remeh.
- b) Perceraian akan disusuli dengan beberapa implikasi kewangan seperti nafkah iddah dan mut'ah yang bakal dipertanggungjawabkan kepada suami, manakala isteri pula tidak akan menanggung bebanan ini. Justeru, adalah lebih baik diberikan hak menjatuhkan talak ini kepada si suami kerana dia akan lebih berhati-hati untuk melakukannya disebabkan implikasi kewangan tadi.

Namun demikian, isteri juga mempunyai hak untuk menuntut perceraian, bahkan dia juga berhak dalam lafaz perceraian suami yang melibatkan cerai taklik. Syarat yang terdapat dalam cerai taklik tersebut boleh ditetapkan oleh pemerintah untuk menjaga kepentingan awam, berdasarkan kaedah ;

تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة

Maksudnya : Tindakan dan keputusan pemerintah ke atas rakyat adalah bergantung kepada kemaslahatan umum.

Hak-hak isteri untuk menentukan perceraian adalah seperti berikut;

- a) Penyerahan talak kepada isteri(*tafwid*)<sup>1</sup>
- b) Mewakulkan talak kepada isteri(*tawkil*)<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Penyerahan talak kepada isteri(*tafwid*) dalam istilah syarak bererti suami memberi kuasa menjatuhkan talak kepada isteri ataupun orang lain, sama ada lafaz talak itu jelas atau kinayah<sup>1</sup>.

- c) Mensyaratkan *‘ismah*<sup>3</sup> di tangan isteri
- d) Cerai taklik
- e) Khulu’ (tebus talak)<sup>4</sup>
- f) Fasakh
- g) Li<sup>‘</sup>an<sup>5</sup>
- h) Zihar<sup>6</sup>
- i) *‘Ila*’<sup>7</sup>

Islam memberikan hak yang cukup untuk isteri menentukan perceraian jika berlaku perkara-perkara yang tidak diingini. Justeru, tidak timbul lagi perasaan takut dianiyai suami yang melanda wanita kerana mereka juga boleh membuat keputusan untuk meneruskan sesuatu ikatan perkahwinan ataupun tidak.

## 1.7 HIPOTESIS KAJIAN

Undang-undang keluarga Islam mengenai perceraian memberikan perlindungan yang cukup dan adil terhadap wanita sebagai isteri, tetapi masih perlu kepada beberapa pembaikan dari aspek perlaksanaannya di Mahkamah Syariah.

## 1.8 REKABENTUK KAJIAN DAN KERANGKA TEORITIKAL

Kajian ini berbentuk kajian analisis terhadap undang-undang keluarga Islam dan hukum syarak berkaitan aspek undang-undang perceraian yang melibatkan hak dan perlindungan

---

<sup>2</sup> Tawkil bermaksud suami mewakili isterinya untuk menentukan talak.

<sup>3</sup> Mensyaratkan *‘ismah* ialah isteri meletakkan syarat semasa akad perkahwinan bahawa urusan perceraian di bawah kuasanya, dan beliau boleh melaksanakannya pada bila-bila masa yang dikehendaki olehnya.

<sup>4</sup> khulu’ ialah perceraian di antara suami isteri dengan lafaz khulu’ ataupun yang seerti dengannya, dengan balasan wang yang diberikan oleh isteri kepada suami

<sup>5</sup> Li<sup>‘</sup>an ialah Kalimah-kalimah tertentu yang dijadikan hujah bagi seseorang yang terpaksa menuduh(qazaf) orang yang mencemarkan rumahtangga serta memberi keaiban kepadanya atau dengan tujuan untuk menafikan hubungannya dengan anak isterinya

<sup>6</sup> Zihar ialah Suami menyamakan isterinya dengan perempuan yang diharamkan ke atasnya(suami) untuk berkahwin selama-lamanya(mahram), ataupun suami menyamakan isterinya dengan mana-mana anggota maharam yang tidak dibenarkan untuk dilihat seperti bahagian belakang, perut dan peha.

<sup>7</sup> *‘Ila*’ ialah suami bersumpah untuk tidak menggauli(bersetubuh) dengan isterinya sama sekali atau melebihi tempoh empat bulan, sama ada dia bersumpah dengan nama Allah atau sifatNya.

terhadap isteri. Fokus kajian ini adalah tertumpu kepada pelaksanaan sebenar undang-undang tersebut di Mahkamah Syariah dan dibahagian-bahagian berkaitan. Setelah meneliti peruntukan undang-undang, kajian telah mendapatkan persepsi dan maklumat daripada pihak-pihak seperti hakim, pendaftar mahkamah, pegawai sulh, kaunselor, peguam syarie serta suami dan isteri yang terlibat dalam isu ini mengenai pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang tersebut. Seterusnya kajian menilai pelaksanaan sebenar undang-undang berkaitan, berasaskan peruntukan undang-undang, prosedur dan proses yang sedia ada. Hasil daripada penilaian tersebut akan memperlihatkan aspek kekuatan dan kelemahan dari segi pentadbiran undang-undang dan faktor yang mempengaruhinya. Akhirnya kajian diharapkan akan menghasilkan cadangan-cadangan konkrit kepada pihak-pihak yang berkenaan.

## 1.9 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini melibatkan kaedah-kaedah berikut:

- a) Kajian Kepustakaan : analisa karya-karya utama dan sekunder, kajian-kajian lepas, akta, enakmen, laporan mahkamah, peraturan-peraturan dan arahan-arahan.
- b) Kajian lapangan : Tinjauan terhadap pandangan dan pengalaman pengamal undang-undang dan pihak-pihak yang terlibat mengenai peruntukan dan pelaksanaan undang-undang berkaitan dengan hak dan perlindungan terhadap isteri dalam undang-undang keluarga Islam khususnya mengenai perceraian melalui soal selidik, temubual dan pencerapan yang melibatkan pegawai-pegawai mahkamah seperti hakim, pendaftar mahkamah, pegawai sulh, kaunselor, peguam syarie serta suami dan isteri dan analisa kes mahkamah.

Temubual : temubual digunakan dalam kajian ini iaitu peringkat penerokaan, iaitu bagi membantu pembinaan soalselidik.

Soalselidik : Tiga jenis soalselidik digunakan untuk kumpulan-kumpulan sample berikut :

- i) Pengamal undang-undang iaitu hakim, peguam syarie dan pendaftar mahkamah (Soal selidik A),
- ii) Pihak yang terlibat diperingkat pra-mahkamah iaitu kaunselor, pegawai sulh dan kaunselor (Soal selidik B),
- iii) Suami dan isteri yang terlibat dengan kes-kes berkaitan di bawah seksyen 45, 47, 50 dan 52 (Soal selidik C).

Pencerapan : Kaedah ini digunakan bagi mendapatkan maklumat mengenai layanan yang diberikan isteri-isteri yang terlibat dengan kes-kes mahkamah, kepatuhan terhadap prosedur mahkamah; keselesaan persekitaran di peringkat pra-mahkamah dan mahkamah.

Analisa kes mahkamah : Analisa 10% kes-kes mahkamah berkaitan penceraian yang diputuskan pada tahun 2000-2002 di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam dan Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat untuk mengenalpasti hak-hak isteri dalam undang-undang pentadbiran perceraian. Hanya kes-kes dari dua mahkamah dianalisa di Selangor bagi mewakili Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah. Walau bagaimana pun tiada analisa kes dilakukan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kerana pihak penyelidik tidak dapat mengakses fail-fail mahkamah kerana pihak mahkamah sedang dalam proses pengemaskinian fail sewaktu penyelidikan ini berlangsung.

## Responden Kajian

### *Soal selidik A*

- i) Sekurang-kurangnya 50% dari jumlah ketua hakim, hakim mahkamah tinggi dan mahkamah rendah syariah di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. (Jumlah hakim: 13 orang. Seramai 11 orang hakim telah mengembalikan soal selidik).
- ii) Sekurang-kurangnya 50% Pendaftar dan Penolong Pendaftar mahkamah di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Jumlah Pendaftar dan Penolong Pendaftar: 13 orang. Seramai 10 orang Pendaftar dan Penolong Pendaftar mengembalikan soal selidik).
- iii) Sekurang-kurangnya 50% peguam syarie di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang pernah atau masih mengendalikan kes-kes berkaitan penceraian (Jumlah peguam yang dipilih untuk menjadi responden: 200 orang. Seramai 114 orang peguam syarie mengembalikan soal selidik).

### *Soal selidik B*

Sekurang-kurangnya 50% pegawai sulh (9 daripada 10 soal selidik dikembalikan) di Mahkamah Syariah Selangor dan Wilayah Persekutuan dan sekurang-kurangnya 50% kaunselor (10 daripada 10 soal selidik dikembalikan) di Jabatan Agama Islam Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

### *Soal selidik C*

71 orang responden isteri dan 2 orang responden suami daripada pasangan yang pernah atau sedang terlibat dengan kes-kes penceraian di mahkamah syariah Selangor dan Wilayah Persekutuan. Hanya dua orang responden suami sahaja yang bekerjasama memulangkan soal selidik daripada 30 soal selidik yang diedarkan.

## **BAB 2**

### **HAK-HAK ISTERI DI DALAM ENAKMEN DAN AKTA**

#### **2.0 PENDAHULUAN**

Bahagian ini akan membincangkan peruntukan-peruntukan perceraian yang terkandung dalam dua statut berbeza iaitu satu yang terpakai di negeri Selangor dan satu lagi yang terpakai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Skop perbincangan adalah merangkumi peruntukan untuk mendapatkan perceraian sahaja, tidak termasuk hak-hak dan tanggungjawab yang terbit dari perceraian. Peruntukan perceraian yang dimaksudkan termasuklah prosedur untuk melafazkan talak oleh suami dan prosedur untuk isteri memohon cerai atau membubarkan perkahwinan dari mahkamah seperti khulu', ta'liq dan sebagainya. Apa yang ditetapkan oleh Hukum Syara' bagaimanapun tidak akan disentuh memandangkan tujuan bab ini adalah untuk membincangkan peruntukan perceraian dan prosedurnya semata-mata sebagaimana yang terkandung dalam dua statut ini.

#### **2.1 PERSAMAAN PERUNTUKAN ANTARA AKTA DAN ENAKMEN**

Kandungan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 (EUKIS) dan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (AUKIWP) adalah hampir sama, jadi ia boleh dibincangkan bersekali melainkan ada perbezaan yang ketara.

#### **2.2 PEMBUBARAN PERKAHWINAN**

Suatu perkahwinan yang dijalankan menurut Hukum Syara' boleh dibubarkan dengan pelbagai cara, sama ada dengan lafaz talaq oleh suami atau dengan perintah mahkamah. EUKIS dan AUKIWP juga ada memperuntukkan jenis-jenis pembubaran perkahwinan yang boleh dipohon di mahkamah. Perkataan dipohon digunakan di sini bagi semua jenis pembubaran termasuklah yang dipohon oleh isteri seperti khulu', mahupun talaq biasa

oleh suami kerana jika suami yang ingin melafazkan talaq secara sukarela, dia mestilah terlebih dahulu memohon kepada mahkamah. Hanya setelah mahkamah membuat siasatan yang wajar dan memberi kebenaran barulah suami boleh melafazkan talaq di hadapan mahkamah. Jika tidak, suami boleh dikenakan denda kerana melafazkan talaq di luar mahkamah atau pun tanpa kebenaran mahkamah. Di dalam EUKIS dan AUKIWP, jenis perceraian yang boleh dipohon serta acara perceraian terkandung dalam Bahagian V Pembubaran Perkahwinan.

## 2.3 PERMOHONAN CERAI

### 2.3.1 Bidangkuasa Mahkamah Untuk Membuat Perintah

Seksyen 45 EUKIS dan AUKIWP memperuntukkan bahawa mahkamah hanya boleh membuat sesuatu perintah perceraian atau perintah mengenai pereeraian atau membenarkan seorang suami melafazkan talaq terhadap isterinya hanya jika: (a) perkahwinan itu telah didaftarkan atau disifatkan sebagai telah didaftarkan di bawah Enakmen atau Akta ini; (b) perkahwinan tersebut telah dilangsungkan menurut Hukum Syara'; dan (c) salah satu pihak kepada perkahwinan itu bermastautin di Selangor pada masa permohonan dibuat atau dalam AUKIWP bermastatutin di Kuala Lumpur.

Seksyen 2 EUKIS menjelaskan "bermastautin" ertinya tinggal tetap atau pada kelazimannya dalam sesuatu kawasan yang tertentu. Tafsiran in adalah sama dengan tafsiran yang terkandung dalam AUKIWP bagi perkataan "bermastatutin".

Kes *Syarifah Laila Iwn Abdul Latif (1992) 9 JH 11* adalah contoh kes yang membincangkan peruntukan seksyen ini. Dalam kes ini Perayu (isteri) telah berkahwin dengan penentang pada 4 Februari 1978 di Johor. Mereka berpindah dan menetap di Wilayah Persekutuan pada Januari 1981 dan kemudian berpindah ke Selangor. Pada 19 Februari 1990 penentang telah melafazkan talak satu diluar mahkamah terhadap perayu dan perintah untuk mengesahkan lafaz tersebut telah dikeluarkan oleh Mahkamah Rendah Syariah Gombak Selangor beserta perintah membayar nafkah anak manakala tuntutan

nafkah muta'ah, harta sepencarian dan nafkah iddah diperintahkan supaya dirujuk ke Mahkamah Tinggi Syariah Selangor. Bermula 1984 sehinggalah 1990 iaitu apabila talaq dilafazkan oleh Penentang, Perayu tinggal di Selangor. Selepas talaq, Perayu pulang ke Singapura tetapi masih terus berulang-alik antara Selangor dan Singapura. Permohonan Perayu untuk mendapatkan nafkah muta'ah, iddah dan harta sepencarian telah ditolak oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah atas alasan Perayu tidak lagi tinggal di Selangor berdasarkan kepada alamat Singapura yang diberi kepada Mahkamah. Perayu merayu kes itu ke Mahkamah Rayuan Syariah dan telah diputuskan bahawa Perayu telah berjaya membuktikan bahawa dia bukan sahaja telah tinggal di Selangor sebelum talaq dijatuhkan bahkan telah terus tinggal di Selangor beberapa bulan selepas talaq. Oleh itu Mahkamah Tinggi Syariah Selangor sebenarnya mempunyai bidangkuasa untuk mendengar permohonan perayu.

### 2.3.2 Acara Umum

**Seksyen 47** kedua-dua statut itu membincangkan acara dan prosedur untuk memohon perceraian dengan talaq atau dengan perintah. Suami atau isteri yang berhajat untuk bercerai sama ada dengan talaq atau dengan perintah hendaklah memohon untuk mendapatkan perceraian kepada mahkamah dengan mengisi borang yang telah ditetapkan. Borang ini boleh didapati di pejabat Mahkamah Syariah. Borang itu hendaklah disertakan dengan satu akuan yang mengandungi:

- (a) butir-butir perkahwinan, nama, umur dan jantina anak-anak hasil dari perkahwinan itu;
- (b) butir-butir mengenai fakta yang memberi bidangkuasa kepada mahkamah di bawah seksyen 45;
- (c) butir-butir prosiding yang terdahulu yang melibatkan suami isteri tersebut termasuk tempat prosiding;
- (d) sebab-sebab hendak bercerai;
- (e) langkah-langkah yang telah diambil, jika ada, untuk mencapai perdamaian antara keduanya;

- (f) syarat dan perjanjian tentang nafkah dan tempat tinggal bagi isteri dan anak dari perkahwinan itu, jika ada, pemeliharaan dan penjagaan anak, jika ada, pembahagian harta sepencarian, jika ada, dan jika tiada sebarang persetujuan dicapai mengenai hal-hal tersebut, hendaklah dinyatakan cadangan pihak yang menuntut cerai itu mengenai perkara-perkara tersebut; dan
- (g) butir-butir perintah yang diminta.

Sub seksyen (2) menghendaki mahkamah menyebabkan satu saman dihantar kepada pihak yang satu lagi. Jika suami yang memohon, maka saman perlu dihantar kepada isteri dan jika isteri yang memohon maka saman perlu dihantar kepada suami. Saman ini hendaklah disertakan dengan permohonan pemohon serta akuan berkanun yang dihantar kepada mahkamah. Saman itu juga mestilah mengarahkan supaya pihak yang satu lagi hadir di hadapan mahkamah bagi membolehkan mahkamah menyiasat sama ada pihak yang satu lagi itu bersetuju atau tidak bersetuju dengan perceraian yang dipohon oleh pemohon.

Sub seksyen (3) membolehkan mahkamah menasihatkan suami supaya melafazkan satu talaq terhadap isteri di hadapan mahkamah apabila berpuas hati bahawa pihak yang satu lagi itu bersetuju dengan perceraian yang dipohon setelah menjalankan penyiasatan yang wajar dan mendapati perkahwinan itu telah pecah belah dan tidak dapat dipulihkan.

Sub seksyen (4) menetapkan supaya mahkamah merekodkan lafaz talak satu itu dan menghantar satu salinan rekod yang diperakui kepada Pendaftar yang berkenaan dan kepada Ketua Pendaftar untuk didaftarkan.

Sub seksyen (5) memperuntukkan tindakan yang harus diambil oleh mahkamah jika pihak yang satu lagi tidak bersetuju dengan perceraian itu dan sekiranya mahkamah mendapati bahawa ada peluang dan kemungkinan yang munasabah bahawa pihak-pihak itu boleh berbaik semula dan berdamai. Mahkamah hendaklah dengan seberapa segera melantik jawatankuasa pendamai yang terdiri daripada seorang Pegawai Agama sebagai Pengerusi, seorang yang lain untuk bertindak bagi pihak isteri dan seorang yang lain

untuk bertindak bagi pihak suami. Keutamaan hendaklah diberi kepada pihak-pihak yang karib dengan suami dan isteri serta tahu hal dan keadaan kes antara keduanya dalam memilih anggota Jawatankuasa Pendamai itu (Sub seksyen (6)).

Sub seksyen (7) memberikan kuasa kepada Mahkamah untuk memberikan arahan kepada Jawatankuasa Pendamai itu dari semasa ke semasa tentang hal perdamaian itu dan Jawatankuasa itu adalah terikat untuk mengikut arahan Mahkamah.

Sub seksyen (8) memberi kuasa kepada Mahkamah untuk memecat Jawatankuasa Pendamai itu dan melantik ahli yang baru sekiranya Jawatankuasa itu tidak dapat bersetuju dengan arahan yang dibuat oleh Mahkamah atau jika Mahkamah tidak berpuashati dengan cara ia menjalankan perdamaian yang dihajatkan.

Sub seksyen (9) memberi tempoh kepada Jawatankuasa Pendamai untuk berusaha mendamaikan pihak-pihak yang hendak bercerai itu dalam masa enam bulan dari tarikh pembentukan jawatankuasa atau dalam masa yang lebih lama bergantung kepada kebenaran Mahkamah.

Sub seksyen (10) memberi kuasa kepada Jawatankuasa untuk menjalankan prosidingnya sendiri dengan memanggil pihak-pihak dalam perkahwinan itu hadir dan diberi peluang untuk didengar, membuat penyiasatan yang patut dan difikirkan boleh serta boleh juga menangguhkan prosidingnya dari semasa ke semasa.

Sub seksyen (11) mempertanggungjawabkan kepada Jawatankuasa sekiranya ia tidak dapat memujuk atau mendamaikan pihak-pihak yang ingin bercerai untuk terus hidup sebagai suami dan isteri supaya mengeluarkan perakuan berkenaan kegagalan usaha perdamaian itu. Jawatankuasa itu boleh juga melampirkan bersama perakuan itu jika perlu, syor-syor yang difikirkan patut tentang nafkah dan penjagaan anak yang belum dewasa, pembahagian harta dan lain-lain hal yang berkenaan dengan perkahwinan itu.

Sub seksyen (12) melarang kehadiran Peguam Syarie untuk mewakili mana-mana pihak dalam prosiding di hadapan Jawatankuasa Pendamai dan hanya ahli keluarga yang rapat dengan pihak-pihak itu sahaja boleh mewakili mereka jika mahu.

Sub seksyen (13) menetapkan jika Jawatankuasa itu melaporkan kepada Mahkamah bahawa perdamaian telah tercapai dan pihak-pihak itu telah hidup semula sebagai suami isteri maka Mahkamah hendaklah menolak permohonan untuk bercerai itu.

Sub seksyen (14) memberi kuasa kepada Mahkamah untuk menasihatkan suami yang berkeñaan untuk melafazkan satu talaq di hadapan mahkamah jika Jawatankuasa itu melaporkan bahawa usaha mencapai perdamaian telah gagal dan tidak dapat memujuk suami dan isteri tersebut untuk hidup bersama semula. Jika setelah dinasihatkan oleh Mahkamah suami masih enggan melafazkan talaq, maka mahkamah berhak untuk merujuk kes tersebut kepada Hakam untuk mengambil tindakan yang sepatutnya menurut seksyen 48 EUKIS dan AUKIWP.

Sub seksyen (15) menetapkan bahawa kehendak Sub seksyen (5) tentang rujukan kepada Jawatankuasa Pendamai tidak terpakai dalam kes di mana-

- (a) pemohon mengatakan dia telah ditinggal langsung oleh pihak yang satu lagi dan tidak tahu di mana pihak yang satu lagi itu berada;
- (b) pihak yang satu lagi itu bermastautin di luar Malaysia Barat dan adalah tidak mungkin yang ianya akan masuk ke dalam bidangkuasa mahkamah berkeñaan dalam masa enam bulan selepas tarikh permohonan cerai dibuat;
- (c) pihak yang satu lagi sedang dipenjara untuk tiga tahun atau lebih;
- (d) pemohon mengatakan pihak yang satu lagi itu menghidap sakit otak yang tidak boleh sembuh;
- (e) Mahkamah berpuas hati bahawa terdapat hal keadaan yang luar biasa yang menyebabkan rujukan kepada Jawatankuasa itu tidak praktik

Sub seksyen (16) menetapkan suatu talaq raj'i yang dilafazkan oleh suami, melainkan dibatalkan terlebih dahulu tidak boleh berkuatkuasa untuk membubarkan perkahwinan melainkan sehingga habisnya tempoh 'iddah.

Perkataan 'iddah tidak ditafsirkan dalam EUKIS mahupun AUKIWP, maka rujukan hendaklah dibuat terus kepada dalil syara' iaitu ayat 228, Surah al-Baqarah yang bermaksud:

*“Dan isteri-isteri yang diceraikan itu hendaklah menunggu dengan menahan diri mereka (dari berkahwin) selama tiga kali suci dari haid. Dan tidaklah halal bagi mereka menyembunyikan dan tidak memberitahu tentang anak yang dijadikan oleh Allah dalam kandungan mereka, jika betul mereka beriman kepada Allah dan hari Akhirat”.*

Sub seksyen (17) menetapkan talaq yang dilafazkan ke atas isteri yang sedang hamil tidak berkuatkuasa membubarkan perkahwinan melainkan setelah berakhir kehamilan itu. Di dalam seksyen ini perkataan “bersalin” atau “melahirkan” tidak digunakan kerana boleh jadi kehamilan itu berakhir dengan kelahiran dan boleh jadi berlaku perkara lain seperti keguguran atau tiada kelahiran. Maka perkataan “berakhir” itu lebih sesuai untuk mengelakkan kekeliruan.

### 2.3.3 Timbangtara oleh Hakam

Dalam hal penimbangtaraan oleh Hakam, suami dan isteri masing-masing akan menjadi prinsipal dan Hakam masing-masing pula akan bertindak sebagai agen yang perlu mendapatkan kuasa penuh daripada prinsipal mereka.

Timbangtara oleh Hakam hanya akan dijalankan setelah mahkamah berpuas hati bahawa perkelahian (*Shiqaq*) sentiasa berlaku di antara suami dan isteri. Setelah berpuashati dengan perkelahian yang kerap itu, Mahkamah mempunyai kuasa untuk melantik dua orang Hakam yang akan bertindak bagi pihak suami dan satu lagi bagi pihak isteri (Sub seksyen (1)).

Mahkamah hendaklah memberi keutamaan perlantikan Hakam kepada saudara terdekat atau saudara karib pihak-pihak itu yang tahu akan hal ehwal kes itu (Sub seksyen (2)).

Pada dasarnya Hakam bertanggungjawab untuk mengikut arahan mahkamah dalam hal penimbangan selain menjalankan tugas menurut ketetapan Hukum Syara' (Sub seksyen (3)).

Jika Hakam tidak bersetuju dengan arahan Mahkamah atau jika Mahkamah tidak berpuas hati dengan cara seseorang Hakam menjalankan tugasnya, maka Mahkamah berhak untuk memecat mereka dan melantik Hakam lain menggantikan mereka (Sub seksyen (4)).

Setelah dilantik, seorang Hakam mestilah berusaha untuk mendapatkan kuasa penuh daripada prinsipal masing-masing (sama ada isteri atau suami) dan jika seorang suami itu membenarkan atau memberikan kuasa untuk melafazkan talaq, seorang Hakam itu boleh melafazkan talaq jika dibenarkan oleh Mahkamah dan lafaz itu hendaklah direkodkan oleh Mahkamah (Sub seksyen (5)).

Sekiranya seorang Hakam itu berpendapat bahawa pihak-pihak itu patut bercerai tetapi tidak dapat memerintahkan perceraian kerana sesuatu sebab maka Mahkamah hendaklah melantik seorang Hakam sebagai pengganti dan memberi kepada pengganti Hakam itu kuasa untuk memerintahkan perceraian (Sub seksyen (6)).

Pihak suami atau isteri, ketika di hadapan Hakam tidak boleh diwakili oleh sesiapa pun atau oleh Peguam Syarie kecuali oleh saudara terdekat (Sub seksyen (7)).

Hakam juga boleh dilantik dalam keadaan cerai tebus talaq atau khulu' dan tidak terhad dengan lafaz biasa.

Tatacara, kuasa dan cara perlantikan Hakam kedua sebagai pengganti tidaklah diterangkan dengan jelas di dalam kedua-dua EUKIS dan AUKIWP.

### 2.3.4 Perceraian Khulu' atau Cerai Tebus Talaq

Peruntukan cerai khulu' disebutkan dalam seksyen 49 EUKIS dan AUKIWP. Sub-seksyen (1) menyebutkan jika suami tidak bersetuju menjatuhkan talaq kepada isteri dengan kerelaannya sendiri, tetapi bersetuju dengan cara penebusan atau cerai tebus talaq, setelah jumlah bayaran tebus talaq itu dipersetujui oleh kedua pihak isteri dan suami, Mahkamah hendaklah mengarahkan suami melafazkan perceraian dengan cara penebusan. Perceraian yang dibuat di bawah Sub-seksyen (1) ini adalah *bain-sughra* atau tidak boleh dirujuk. Ini bermakna jika pihak-pihak yang bercerai itu ingin hidup semula sebagai suami isteri mereka hendaklah bernikah semula dengan mas kahwin yang baru.

Sekiranya suami dan isteri tidak bersetuju dengan jumlah bayaran tebus talaq, Mahkamah mempunyai kuasa untuk menaksirkan jumlah itu dengan menurut Hukum Syara' dengan mengambil kira dan memberi pertimbangan kepada taraf dan sumber kewangan pihak-pihak itu (Sub-seksyen (3)).

Apabila suami tidak bersetuju dengan perceraian tebus talaq itu atau tidak menghadirkan diri ke Mahkamah sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah, atau sekiranya Mahkamah berpendapat bahawa ada kemungkinan yang munasabah untuk pihak-pihak itu berdamai, Mahkamah hendaklah melantik Jawatankuasa Pendamai sepertimana yang terkandung dalam seksyen 47 dan peruntukkan seksyen itu berkenaan Jawatankuasa Pendamai hendaklah terpakai (Sub-seksyen (4)).

Jika perceraian itu berlaku iaitu jika suami melafazkan talaq seperti yang diarahkan oleh Mahkamah, maka perceraian itu hendaklah direkodkan dengan sewajarnya oleh Mahkamah dan menghantarkan satu salinan rekod perceraian itu yang diperakui kepada Pendaftar yang berkenaan dan kepada Ketua Pendaftar untuk didaftarkan (Sub-seksyen (2)).

### 2.3.5 Perceraian Ta'liq atau Janji

Seksyen 50 EUKIS dan AUKIWP membincangkan peruntukan untuk menuntut cerai ta'liq oleh seorang wanita yang bersuami. Seseorang perempuan yang bersuami, jika dia berhak mendapat perceraian menurut syarat-syarat surat perakuan ta'liq yang dibuat selepas nikah, boleh memohon kepada Mahkamah untuk menetapkan dan mengesahkan bahawa perceraian telah berlaku (Sub-seksyen (1)).

Setelah menerima permohonan untuk cerai ta'liq Mahkamah hendaklah memeriksa permohonan itu dan menyiasat akan mengenai sahnya perceraian itu. Jika mahkamah berpuas hati bahawa perceraian itu adalah sah mengikut Hukum Syara', maka Mahkamah hendaklah mengesah dan merekodkan perceraian itu dan menghantar satu salinan rekod yang diperakui kepada Pendaftar yang berkenaan dan kepada Ketua Pendaftar untuk didaftarkan (Sub-seksyen (2)).

Berhubung dengan perakuan ta'liq, seksyen 22 EUKIS dan AUKIWP ada menyebutkan kewajipan Pendaftar selepas sesuatu pernikahan dilakukan, iaitu untuk mencatatkan butir-butir yang ditetapkan dan ta'liq yang ditetapkan atau ta'liq lain bagi perkahwinan itu dalam Daftar Perkahwinan (Sub-seksyen (1)).

Catatan dalam Daftar Perkahwinan itu hendaklah diakusaksi oleh wali dan saksi-saksi pernikahan yang hadir semasa perkahwinan iaitu semasa pasangan itu diadnikahkan (Sub-seksyen (2)) dan ditandatangani oleh Pendaftar (Sub-seksyen (3)).

Lafaz ta'liq yang ditetapkan seperti dalam Sijil Nikah di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan adalah seperti berikut:

*Saya mengaku apabila saya tinggalkan isteri saya \_\_\_\_\_ selama empat bulan Hijrah berturut-turut atau lebih dengan sengaja atau paksaan dan saya atau wakil saya tiada memberi nafkah kepadanya selama tempoh masa yang tersebut padahal ia taatkan saya atau saya melakukan sebarang mudarat*

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

- Al-Bahi, Muhammad. 1989M. *al-Fikr al-Islami fi al-mujtama' al-mu'asir*, Beirut : Dar al-fikr .
- Al-Dusuki, Sham al-Din °Arafah. 1988M. *Hashiah al-Dusuki*, Kaherah : Dar Ihya' al-kutub al-°Arabiyyah .
- Al-Fakhr al-Razi, Muhammad al-Razi Fakhr al-din Diya' al-Din °Umar. 1981M. *al-Tafsir al-kabir wa Mafatih al-ghaib*, Beirut : Dar al-fikr.
- Al-Hattab, Muhammad ibn °Abd al-Rahman. 1991M . *Mawahib al-Jalil*, Kaherah : Dar al-fikr.
- Ibn °Abidin, Muhammad Amin bin °Abidin. 1966M. *Hashiyah rad al-Mukhtar*. Edi ke-2. Kaherah : Maktabah wa matba'ah Mustafa al-Babiyy al-Halabiyy
- Ibn Hazm al-Zahiri, t.th. *al-Muhalla*, Kaherah : Maktabat al-jumhuriyyah al-°arabiyyah, Kaherah.
- Ibn Qudamah, Abu Muhammad °Abdullah ibn Ahmad . t.th. *al-Mughni*, Kaherah : maktabat al-jumhuriyyah al-°arabiyyah.
- Ibn Rushd, Muhammad ibn Ahmad al-Qurtubi . 1993M . *Bidayat al-mujtahid wa nihayat al-muqtasid*, Beirut : Dar al-ma'rifah.
- Al-Kasani, °Ala' al-Din. T.th. *Badat° al-Sana°*, Beirut : Dar al-kutub al-°ilmiiyyah.
- Al-khatib al-Sharbini, Shams al-Din. 1997M. *Mughni al-muhtaj ila ma°rifat ma°ani alfaz al-minhaj*, Beirut : Dar al-ma'rifah.
- Al-kharshi, °Abdullah Muhammad. T.th. *Hashiah al-kharshi °ala mukhtasar khalil*, Beirut : Dar sadir.
- Muhammad °Abd al-Hamid, Muhyi al-Din. 1989M. *Al-ahwal al-shakhsiyyah*, Kaherah : Maktabat Muhammad °Ali Subaih wa auladuh.
- Muhammad °uqlah, Doktor Muhammad. 1990M. *Nidham al-usrah fi al-Islam*, Amman : Maktabat al- risalah al-hadithah.
- Al-Nadawiyy, °Aliyy Ahmad. 1994M. *al-Qawa°id al-fiqhiyyah*. Damsyik : Dar al-qalam li al-tiba°ah wa al-nashr wa al-tawzi°

- Al-Nawawi, Abu Zakariyya. T.th. al-majmu<sup>c</sup> sharh al-muhadhdhab. Beirut : Dar al-Ma<sup>c</sup>rifat.
- Al-Suyutiyy, Jalal al-Din <sup>c</sup>Abd al-Rahman. 1990M. *al-Ashbah wa al-nazair fi qawa'id wa furu' fiqh al-Shafi'yyah*. Beirut : Dar al-kutub al-ilmiiyyah.
- Al-Zuhayliyy, Dr. Wahbah. 1989M. *al-Fiqh al-Islamiyy wa adillatuh*. Edi. Ke-3 . Damsyik : Dar al-fikr.
- Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984
- Enakmen Undang-undang keluarga Islam (Selangor) 2003